

TARIKH : 3/3/2023  
SURAT KHABAR : Harian Metro  
MUKA SURAT : 9

## Majikan tak takut denda RM50k

**Kuala Lumpur:** Amaran kerajaan untuk mengambil tindakan denda sebanyak RM50,000 terhadap majikan atau syarikat yang didapati memberhentikan pekerja tempatan selepas mendapat tenaga kerja asing, dilihat tidak akan menakutkan majikan.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Melayu (MTUC), Kamarul Baharin Mansor berkata, ia jelas apabila syarikat atau majikan juga tidak melaksanakan perintah gaji minimum, akta kerja dan standard perumahan pekerja.

"Bagaimanapun, kerajaan perlu menjalankan pemeriksaan berkala kepada syarikat untuk memastikan majikan tidak mengamalkan diskriminasi.

"Amalan pemeriksaan berkala langkah penting memastikan segala akta buruh dipatuhi majikan," katanya, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan membatal-

kan kelulusan kuota pekerja asing diberi kepada mana-mana majikan atau syarikat jika mereka didapati memberhentikan pekerja tempatan selepas mendapat tenaga kerja asing.

Menterinya, V Sivakumar menegaskan, majikan atau syarikat boleh didenda sehingga RM50,000 bagi setiap kesalahan kerana bertentangan dengan Seksyen 60M Akta Kerja 1955.

Mengulas lanjut, Kamarul

Baharin berkata, MTUC mengcam syarikat yang membuang pekerja tempatan untuk digantikan oleh pekerja asing.

Katanya, syarikat mengambil kesempatan ke atas ke-longgaran pengambilan pekerja asing yang dibuat oleh kerajaan untuk membantu industri.

"Laporan pembuangan pekerja tempatan di Pulau Pinang membuktikan kegusaran MTUC terhadap jaminan pekerjaan pekerja tempatan terjejas menjadi realiti.

"Isu pemberhentian pekerja secara tidak adil akan berleluasa," katanya.

Beliau turut mempersoalkan, bagaimana kerajaan hendak memastikan pekerja tempatan tidak menjadi mangsa dalam keputusan syarikat dalam pemberhentian pekerja.

"Apakah imbangan kerajaan jika majikan menyatakan bahawa hak pengambilan dan pembuangan adalah hak syarikat?" katanya.



KAMARUL  
Baharin